

KONGRES PROFESOR NEGARA

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 12 Julai 2011 11:32

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

12 JULAI 2011/10 SYAABAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: Bersama ini disertakan UUM Dalam Akhbar seperti berikut:

Terima Kasih dan Sekalung Penghargaan

Kepada
YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia
di atas kesudian Yang Amat Berhormat Menyampaikan
Ucap Utama dan Merasmikan Kongres Profesor Negara
pada 7 haribulan Julai 2011
dan
YAB Tan Sri Dato Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia
di atas kesudian Yang Amat Berhormat Menyempurnakan
Perasmian Penutup Kongres Profesor Negara
pada 8 haribulan Julai 2011.

Daripada:
Pengurusan Tertinggi, Ketua Kluster
dan semua Ahli Majlis Profesor Negara

KONGRES PROFESOR NEGARA
Peranan Ilmu Dalam Transformasi Negara

Resolusi Umum

BAHAWA SESUNGGUHNYA MPN ingin menyatakan kesediaannya untuk sentiasa berkongsi data penyelidikan yang relevan, utipati ilmu yang terkemas kini, dan hikmah serta kearifan bidang ilmu yang sedang berkembang dan mendapat pengiktirafan di seluruh dunia dengan agensi-agensi Kerajaan dan rakyat demi mencapai hasrat pelan transformasi Negara.

BAHAWA SESUNGGUHNYA segala himpunan data penyelidikan, hikmah dan kearifan ilmu akan diguna pakai oleh MPN untuk dijadikan isi kepada sistem isyarat awal (early signal system) yang dapat mengenal pasti sebarang gangguan dalam kehidupan masyarakat yang perlu ditangani oleh pelan tindakan transformasi Negara.

MAKA SESUNGGUHNYA hasil dari Kongres ini, Majlis Profesor Negara ingin menyatakan sokongan yang teguh terhadap wawasan pihak Kerajaan mengenai keperluan melakukan Transformasi Negara secara menyeluruh. Transformasi ini, iaitu perubahan fundamental bagi penambahbaikan kepada kesemua cabang kehidupan rakyat, boleh dan akan terus diteliti serta dipantau oleh 14 kluster ilmu yang ditubuhkan di bawah MPN. Penelitian dan pemantauan ini ialah ke arah membantu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, yang rakyatnya berjaya mempertahankan dan mengekalkan kesepaduan sosial serta keseluruhan kehidupannya yang